

28/05/1999

GIBCA Holdings tidak terbabit burukkan Abu Zahar

MELAKA, Khamis - GIBCA Holdings Sdn Bhd tidak terbabit dalam usaha memburukkan kepemimpinan Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin, berhubung isu penswastaaan Perbadanan Air Melaka (PAM).

Pengerusi Eksekutifnya, GIBCA Holdings Sdn Bhd, Datuk Syed Abdul Rahman AlHabshi, berkata pihaknya tidak ada kena mengena dengan khabar angin yang mengatakan Abu Zahar disoal siasat oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) berhubung perkara itu, baru-baru ini.

"Saya ingin jelaskan di sini, GIBCA tidak terbabit langsung dengan perbuatan menyebarkan fitnah membabitkan Abu Zahar berhubung projek penswastaaan PAM," katanya ketika dihubungi, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Abu Zahar, semalam bahawa ada pihak tertentu di negeri ini yang mempunyai agenda tersendiri dengan memfitnah beliau (Abu Zahar) disiasat BPR berhubung isu itu.

Menurut Syed Abdul Rahman, mengikut kronologi cadangan penswastaaan itu, GIBCA Holdings sudahpun diberikan surat penganugerahan (letter of award) daripada kerajaan negeri pada 3 Januari 1997 yang ketika itu dipimpin oleh Ketua Menteri, Allahyarham Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani.

Katanya, perjanjian projek penswastaaan berharga RM1.5 bilion itu sepatutnya ditandatangani pada 31 Mei 1997 tetapi disebabkan Mohd Zin meninggal dunia pada 14 Mei tahun yang sama, perjanjian itu ditangguhkan.

Beliau menjelaskan, pada 25 Ogos 1997, pihaknya ada memberikan taklimat khas kepada Abu Zahar yang baru dilantik Ketua Menteri beserta beberapa ahli mesyuarat kerajaan negeri lain.

"Pada 11 Mac 1998 pula, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah memaklumkan kepada Abu Zahar untuk memberi keputusan muktamad mengenai perjanjian konsesi ini supaya dibentangkan kepada Kabinet yang sehingga hari ini, masih belum dilakukan," katanya.

Menurut Syed Abdul Rahman, sewaktu mesyuarat Penswastaaan Air Melaka pada 20 Mei lalu, GIBCA masih menawarkan diri untuk meneruskan projek berkenaan walaupun sudah lewat dua tahun.

(END)